



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

INFRASTRUKTUR MODEN UNTUK PELAJAR PEDALAMAN KENINGAU BUKTI KOMITMEN KERAJAAN MADANI

KENINGAU, SABAH – Kementerian Kerja Raya (KKR) terus komited dalam memperkukuhkan pembangunan infrastruktur pendidikan di Sabah apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia hari ini turun padang meninjau kemajuan Projek Pembinaan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Keningau – Fasa 3, yang sedang giat dilaksanakan.

2. Projek ini merupakan antara usaha berterusan Kerajaan bagi menyediakan kemudahan pembelajaran yang selesa, moden dan kondusif di negeri ini, khususnya di kawasan pedalaman. Projek berimpak tinggi ini dilaksanakan melalui kaedah Reka dan Bina oleh kontraktor Ketara Jaya Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak sebanyak RM 53.668 juta, yang mana Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) bertindak sebagai agensi pelaksana dengan pengawasan rapi oleh Pasukan Projek Khas 2, JKR Malaysia. Pembinaan telah dimulakan pada 23 Mac 2023 dan dijangka siap sepenuhnya pada 23 Mac 2026.

3. Pembinaan Fasa 3 projek ini melibatkan pembangunan komponen utama iaitu Blok Pentadbiran, Blok Akademik, Dewan Makan, 3 Blok Asrama, Bangunan Ancillary serta kemudahan-kemudahan lain seperti parkir terbuka, gelanggang terbuka, sistem pembedung dan menara tangki air baharu.

4. Projek ini bakal menyediakan fasiliti pengajian yang lebih lengkap dan selesa untuk para pelajar serta tenaga pengajar, disamping menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian pendidikan di Sabah. Selain itu, penyediaan kemudahan fizikal yang moden dan selamat ini juga selaras dengan matlamat Kerajaan dalam menyediakan prasarana pendidikan yang berkualiti, berdaya saing dan menyeluruh untuk semua lapisan masyarakat.

5. Berdasarkan tinjauan hari ini, kemajuan fizikal projek telah mencapai 50% dan berada dalam jadual yang ditetapkan. Tiada isu kritikal dilaporkan dan pihak JKR sentiasa komited memastikan kerja-kerja pembinaan dilaksanakan mengikut perancangan, kualiti dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

6. KKR yakin bahawa apabila projek ini siap sepenuhnya kelak, ia bukan sahaja akan memperkasa sektor pendidikan Islam, malah turut menyumbang secara menyeluruh kepada pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan komuniti setempat, khususnya di kawasan pedalaman Keningau dan sekitarnya.

7. Lawatan ini jelas memperlihatkan kesungguhan Kerajaan untuk memastikan setiap projek rakyat dilaksanakan dengan penuh ketelusan, kecekapan dan kebertanggungjawaban, selaras dengan prinsip Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan, ihsan dan kemampanan demi manfaat bersama.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
02 JULAI 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatangjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANIbekerja